

Ramai penjawat awam gaji bawah paras kemiskinan

CUEPACS
gesa kadar
minimum baharu
masuk dalam
Belanjawan 2021
Bh 26/09/2020 (20)
Oleh Mohd Roji Kawi
bhnews@bh.com.my

Kuching: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mengesahkan kadar gaji minimum baharu penjawat awam dimasukkan dalam Belanjawan 2021 yang akan dibentangkan bulan depan.

Presidennya, Adnan Mat, berkata ia berikutan ramai penjawat awam berpendapatan di bawah paras kemiskinan dan CUEPACS akan memaklumkan tuntutan secara rasmi kepada Kementerian Kewangan pada sesi perbincangan keperluan Belanjawan 2021.

"Kita mahu kadar gaji minimum itu dimasukkan dalam Belanjawan 2021 untuk dilaksanakan pada tahun-tahun akan datang dan ia hendaklah diseragamkan dengan hasil kajian gaji minimum oleh Bank Negara Malaysia iaitu RM2,700, kajian Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) iaitu RM2,480 dan kajian CUEPACS sendiri iaitu RM2,620.

"Ketika ini gaji minimum penjawat awam adalah RM1,200 dan ia jauh di bawah garis kemiskinan diisytiharkan kerajaan iaitu RM2,208," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Petugas Barisan Hadapan COVID-19 dan sambutan Hari Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) di Auditorium Majlis Bandaraya



Adnan Mat (tengah) menyampaikan Sijil Penghargaan Petugas Barisan Hadapan Covid-19 kepada penerima di Kuching, semalam. (Foto Nadim Bokhari /BH)

Kuching Selatan (MBKS), di sini, semalam.

Adnan berkata, pihaknya berharap tuntutan itu mendapat perhatian sewajarnya sebagai menghargai penjawat awam.

Mengenai bonus kepada 1.6 juta penjawat awam tahun ini, beliau berkata terpulang kepada kerajaan untuk memutuskannya.

"Sebelum ini, kita tuntut tiga bulan pun, tetapi yang dapat hanya RM500, jadi kali ini kita serahkan kepada kerajaan untuk membuat keputusan.

"Namun, bonus bagi penjawat awam adalah keperluan mendesak dan perlu dihargai kerana walaupun kerajaan bertukar tiga kali sejak 2018, kami tetap menjalankan tugas menyampai dan melaksanakan dasar kerajaan," katanya.

Pada masa sama, katanya CUEPACS akan menuntut eluam penguat kuasa bagi Pegawai Ke-

Kita mahu kadar gaji minimum itu dimasukkan dalam Belanjawan 2021 untuk dilaksanakan pada tahun akan datang dan ia hendaklah diseragamkan dengan hasil kajian gaji minimum oleh Bank Negara Malaysia iaitu RM2,700.

Adnan Mat,
Presiden CUEPACS

sihatan Persekitaran (PKP) dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) yang berdepan pelbagai kerenah orang awam ketika melaksanakan tugas utamanya ketika menguatkuasakan Akta Kawalan Tembakau dan Akta Pencegahan Penyakit Berjangkit.

"Mereka berdepan cabaran seperti diancam, dihalau malah dikejar haiwan peliharaan ketika melaksanakan tugas pemeriksaan dan menyampaikan saman kepada orang awam yang melanggar akta berkenaan.

"Sebab itu mereka sepatutnya mendapat eluam penguat kuasa seperti diterima anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya.